

Kakitangan Unimas buat lawatan penanda aras ke UMS

UB 30.1.2014 B4

KOTAKINABALU: Seramai 32 kakitangan dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar Azlan Ramli itu terdiri daripada ketua-ketua pusat Unimas, pengetua-pengetua kolej dan kaunselor-kaunselor.

Lawatan kerja itu bertujuan sebagai penanda aras dan perkongsian isu-isu berkaitan kemudahan dan aktiviti



(atas) ROMBONGAN Unimas bergambar kenangan dengan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

(kiri) AZLAN (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Kasim (tengah) sambil diperhatikan Raffie Janau, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

semasa Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Terdahulu, rombongan kakitangan Unimas diberi taklimat oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr Haji Kasim Md Mansur berkenaan perkembangan semasa UMS dan Hal Ehwal Pelajar UMS di Galeri Majlis.

Sesisoaljawab kemudiannya

membangkitkan isu-isu penempatan yang kurang mencukupi, kemudahan pusat sukan serta penglibatan pelajar dalam aktiviti kemahasiswaan.

Rombongan lawatan kemudiannya dibawa melawat ke kolej-kolej kediaman UMS, pusat sukan dan Pusat Rawatan Warga, sebelum dibawa ke bangunan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

